



Pusat Kejuruteraan Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia Kawasan Perindustrian Kuala Perlis 02000 Kuala Perlis

Premis sementara Pusat Kejuruteraan terletak di Kompleks Perindustrian Kuala Perlis. Tujuan penubuhan Pusat Kejuruteraan adalah untuk mengendalikan makmal-makmal dan bengkel umum (gunasama) yang diperlukan oleh pelbagai program yang ditawarkan di KUKUM. Program-program kejuruteraan yang dijalankan pada dasarnya menitikberatkan kepada kaedah 'practical oriented', di mana penekanan yang lebih diberikan kepada amalan praktikal secara intensif. Ini bertujuan untuk memperkukuhkan lagi pemahaman terhadap konsep-konsep teori yang telah dipelajari.

Objektif dan matlamat penubuhan Pusat Kejuruteraan adalah untuk menawarkan kemudahan kepada kursus-kursus yang berteraskan latihan dan kemahiran teknikal dan juga menyediakan kemudahan untuk aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan. Konsep 'Teaching Factory' yang berasaskan teknologi semasa di industri juga turut diperkenalkan.

Pusat ini akan diketuai oleh seorang Pengarah. Pengarah merupakan seorang kakitangan akademik yang mempunyai latarbelakang kejuruteraan yang kukuh pengalaman dan pengetahuan yang luas dalam bidang Kejuruteraan. Beliau akan dibantu oleh Pensyarah-pensyarah dan Jurutera Pengajar dan juruteknik yang berpengalaman dalam bidang masing-masing. Bahagian pentadbiran pula dibantu oleh Pegawai-pegawai tadbir, seorang Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan), Pembantu-pembantu Tadbir (perkeranian dan operasi) dan seorang Pembantu Am Rendah.

Pada peringkat awal, Pusat Kejuruteraan telah menawarkan dua kursus teras untuk pelajar-pelajar kejuruteraan iaitu:

- Kemahiran Kejuruteraan I
- Kemahiran Kejuruteraan II

Disamping itu, pihak Pusat Kejuruteraan juga menyediakan kursus-kursus latihan untuk kakitangan KUKUM dan pihak luar.

Pusat Kejuruteraan KUKUM terdiri daripada makmal/ bengkel pengajaran seperti berikut :

- **Makmal Fabrikasi PCB**
- Rekabentuk dan fabrikasi "Printed Circuit Board" (PCB)
- **Makmal Teknologi Mikropemproses**
- Aplikasi Sistem Terbenam (Embedded System) dan rekabentuk komputer
- **Pusat CAD/CAM**
- Perisian AUTOCAD, ORCAD, MATLAB dan PCB, termasuk "Drawing Office" bagi latihan lukisan kejuruteraan konvensional.
- **Bengkel Pendawaian Elektrik**
- Pendawaian elektrik domestik & industri serta mesin elektrik.
- **Bengkel Kejuruteraan Mekanikal**
- Bengkel pemesinan konvensional & CNC serta kimpalan

